



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Faks : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : kpkt_gov
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (112)

Tarikh : 6 Mac 2014

SIARAN MEDIA

KEMUDAHAN PEMROSESAN SEMULA SISA PEPEJAL PEMBINAAN YANG PERTAMA DI MALAYSIA

Gombak, 6 Mac 2014- YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada pagi ini mengadakan lawatan kerja ke kemudahan pemprosesan semula sisa pepejal pembinaan di Tapak Pelupusan Sisa Lengai, Sungai Kertas, Gombak, Selangor.

Kemudahan yang pertama seumpamanya di Malaysia ini merupakan projek di bawah Program NKEA *Greater* Kuala Lumpur/ Lembah Klang yang dilaksanakan oleh agensi di bawah Kementerian tersebut iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Kemudahan ini diwujudkan bagi menerima dan memproses semula sisa pepejal pembinaan dari kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Klang.

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, " CIDB melalui satu kajian yang dibuat melalui Lestari (UKM) dan FRIM pada 2005 telah mendapati janaan sisa pepejal pembinaan adalah 627 kg perkapita setahun dengan penduduk yang dianggarkan di Lembah Klang pada ketika itu seramai 2.5 juta, Lembah Klang dijangkakan menjana 1,567 tan setahun. Bagi DBKL yang mempunyai kepadatan penduduk 1,423,900, sisa buangan yang dijana sebanyak 892,785 tan setahun".

"Manakala maklumat dan tinjauan yang dijalankan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) pada tahun 2007, janaan sisa pepejal pembinaan di

Kuala Lumpur adalah kira-kira 1.04 juta tan metrik setahun dan jumlah ini dijangka meningkat kepada 1.34 juta tan metrik setahun menjelang 2020, ” tambah Abdul Rahman.

Malah pada masa kini aktiviti pembuangan sisa pepejal haram yang dikenal pasti 80 peratus daripadanya merupakan sisa pepejal pembinaan yang terdiri daripada konkrit, batu, kayu dan bahan-bahan lain yang digunakan dalam industri pembinaan. Sisa pepejal pembinaan yang akan terhasil daripada beberapa projek mega yang telah diumumkan Kerajaan dan peruntukan bangunan-bangunan akan menyumbang lagi pertambahan sisa pepejal binaan di negara ini khasnya di Kuala Lumpur/ Lembah Klang.

Oleh yang demikian Kementerian beliau melalui Jabatan pengurusan Sisa Pepejal Negara memandang berat perkara ini kerana bukan sahaja melibatkan isu pelupusan yang pada masa kini kekurangan tapak pelupusan sisa lengai dan kebanyakan sisa binaan dilupuskan di tapak pelupusan sedia ada sahaja. Malah isu ini merupakan isu pembaziran sumber kerana sisa binaan yang diproses semula dapat digunakan semula sebagai bahan asas pembinaan seperti jalan, tapak bangunan dan lain-lain.

Oleh yang demikian Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan kemudahan ini sebagai salah satu kaedah penyelesaian kepada masalah sisa pepejal binaan dengan menerima dan memproses semula sisa-sisa tersebut. Kemudahan yang dilengkapi dengan 1 unit *Mobile Crusher*, 1 unit *Excavator*, 1 sistem *conveyer*, 1 unit *backhoe* dan 1 unit *screener* ini dioperasikan oleh Syarikat Worldwide Landfill Sdn Bhd yang juga merupakan operator Tapak Pelupusan Sisa Lengai Sungai Kertas.

Kemudahan ini dapat memproses sebanyak 300 hingga 500 tan sisa pepejal pembinaan sehari. Kemudahan pemprosesan semula sisa pepejal pembinaan di sini merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia dan akan dijadikan sebagai projek perintis dan akan diperluaskan ke seluruh negara sekiranya terbukti sesuai.

Malah bagi jangka masa panjang, melalui agensinya JPSPN, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan merupakan salah satu stakeholder yang turut terlibat dengan usaha untuk mewujudkan satu standard bagi bahan kitar semula yang

terhasil dari sisa pepejal pembinaan. Usaha untuk mewujudkan standard berkaitan yang diterajui oleh *Construction Industry Development Board (CIDB)* kelak akan membolehkan hasil kitar semula sisa pepejal pembinaan digunakan sebagai sebahagian bahan dalam industri pembinaan di Malaysia.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pengurusan Strata dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my